



## PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang **menafikan** dakwaan mengeluarkan arahan kepada pekerja yang berulang alik antara Negeri Kedah dan Pulau Pinang supaya mendapatkan surat kebenaran daripada PDRM seperti yang tular di media sosial. Beliau **menjelaskan** pekerja berkenaan hanya perlu menunjukkan pas kerja dan surat majikan jika diperiksa polis di sekatan jalan raya.
2. Giant Hypermarket Shah Alam, Seksyen 13 **menafikan** dakwaan arahan penutupan sementara premisnya kerana terdapatnya kes positif COVID-19. Pihak Giant **memberi jaminan** bahawa Giant Hypermarket Shah Alam, Seksyen 13 kini telah beroperasi seperti biasa dengan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh KKM demi kesihatan dan kebersihan para pengunjung.

**Pasukan Respons Pantas  
KKMM  
5 Jun 2020 | 10.30 Pagi**

